

Bahagian A

Bulatkan jawapan yang betul. (20 markah)

- 1 Maria mendapat keputusan yang baik kerana dia _____ belajar.
A malas
B rajin
C diam

- 2 Saya _____ orang yang tidak dikenali masuk ke dalam rumah semasa ketiadaan ibu bapa.
A membenarkan
B tidak membenarkan
C gembira


- 3 Apakah ucapan yang sesuai ketika bertemu guru ?
A Selamat malam, ayah
B Selamat pagi, cikgu
C Silakan duduk, pakcik

- 4 Jangan bermain pisau. Anda mungkin akan _____.
A lemas
B jatuh
C luka

- 5 Antara berikut, yang manakah menunjukkan sikap sederhana ?

- A Mary mempunyai banyak alat permainan
- B Johan membelanjakan semua wang sakunya
- C Baju Kamala lusuh tetapi bersih

6



Di dalam piring ada empat ketul karipap.
Bagaimana kamu berlaku adil terhadap adik ?

- A Tiga ketul untuk saya, seketul untuk adik.
 - B Saya akan makan semua karipap.
 - C Dua ketul untuk saya, dua ketul untuk adik.
- 7 Saya perlu _____ supaya tidak dibuli.
- A takut
 - B berani
 - C jahat
- 8 Murid yang _____ akan bercakap benar.
- A sihat
 - B rajin

C jujur

9 Sebagai seorang ketua kebersihan, seorang kawan kamu selalu tidak menjalankan tugas membersihkan kelas. Kamu akan bersikap adil dengan _____ .

- A menggantikan kawan kamu dengan orang lain
- B memukul kawan kamu sehingga dia menjalankan tugas
- C melaporkan kepada guru tentang sikap kawan kamu

10



Sebenarnya, kamulah yang tidak menutup paip itu.
Apakah tindakan kamu ?

- A Menuduh adik
- B Mengaku bersalah dan meminta maaf
- C Memberitahu ibu , bahawa kamu tidak tahu

11 Kerja dapat disiapkan dengan cepat jika kita _____ .

- A bergaduh
- B bekerjasama

C bersederhana

12 Sikap bantu-membantu dapat _____ ahli keluarga.

- A mengeratkan hubungan
- B merenggangkan hubungan
- C mewujudkan pergaduhan

13 Jika kamu dibuli, kamu hendaklah _____.

- A menangis
- B berdiam diri
- C memberitahu guru

14



Murid di atas mengamalkan nilai _____.

- A keadilan
- B kejujuran
- C kerajinan

15 Siapakah murid yang mengamalkan kesederhanaan ?

- A Henry makan tiga pinggan nasi
- B Lenja makan sepinggan nasi
- C Natalie tidak makan langsung

16 Shane berebut dengan adik untuk menggunakan komputer, mereka tidak mengamalkan nilai _____ .

- A toleransi
- B keberanian
- C kejujuran

17 Keluarga Yasmin saling sayang- menyayangi antara satu sama lain. Keluarga mereka sangat _____.

- A kaya
- B derita
- C bahagia

18

Rajin pergi sekolah
Dapat nombor satu,
Kawan kita susah,
Mesti kita bantu

Apakah nilai murni dalam pantun di atas ?

- A Ikhlas
- B Kejujuran
- C Berterima kasih

- 19 Anda melihat orang tua berdiri di dalam bas. Anda patut bangun dan berkata _____.
- A Sila duduk, pak cik
 - B Sila masuk, pak cik
 - C Sila keluar, pak cik
- 20 Anak-anak mestilah _____ nasihat ibu bapa.
- A melawan
 - B mendengar
 - C mengejek-ejek

Bahagian B

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. (10 markah)

berkongsi	menghormati	membantu	tekun
menghargai	bersopan-santun	mematuhi	

memberus

meminta maaf





ikhlas

- 21 Amalan _____ boleh mengeratkan persahabatan.
- 22 Anak yang baik sentiasa _____ ibu bapanya.
- 23 Orang akan suka kepada kita, kalau kita sentiasa _____ .
- 24 Sebagai anak, kita hendaklah _____ ibu bapa di rumah.
- 25 Apabila membuat salah, kita hendaklah _____ .
- 26 Setiap murid mesti _____peraturan sekolah.
- 27 kita hendaklah _____ gigi sebelum tidur.
- 28 Untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran, kita mestilah _____ belajar.
- 29 Kita haruslah _____ anugerah ciptaan Tuhan.
- 30 Kita hendaklah memberikan bantuan dengan _____ .

Bahagian C

Soalan 31 hingga 36

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** pada tindakan berikut. (6 markah)



Soalan 37 hingga soalan 41

Tandakan (/) pada tindakan yang betul. (5 markah)

- 37 Tuhan mencipta alam untuk manusia.
Manusia sepatutnya _____ .

<input type="checkbox"/>	menghargai dan menyayangi ciptaan Tuhan
<input type="checkbox"/>	membuang ciptaan Tuhan yang sudah lama.

- 38 Ayah kamu sedang menanam sayur di belakang rumah.
Kamu sepatutnya _____ .

<input type="checkbox"/>	memerhatikannya
<input type="checkbox"/>	menolongnya

- 39 Cassidy dan keluarganya ingin makan tengah hari.
Sebelum makan, mereka _____ terlebih dahulu.

<input type="checkbox"/>	membaca doa
<input type="checkbox"/>	mengemas meja

- 40 Ibu Louison menasihatinya supaya tidak bermain di tepi lombong.
Louison sepatutnya _____ .

<input type="checkbox"/>	mendengar nasihat ibunya
<input type="checkbox"/>	berterima kasih kepada ibunya


- 41 Teresa melihat Walter menggunakan penselnya.
Dia sepatutnya _____ .

	menuduh Walter mencuri penselnya.
	bertanya kepada Walter tentang penselnya.


Bahagian E

Soalan 42 hingga soalan 45


Tuliskan abjad di kotak yang disediakan. (4 markah)



“Sekarang giliran awak pula menggunakan gelanggang.”



“Kasihlah awak sakit perut. Awak gunakanlah telefon ini dahulu.”




“Mari bermain dengan saya. Awak boleh pinjam anak patung saya.”



45

d



“Awak pinjamlah pensel saya ini.”



Bahagian F

Soalan 46 hingga soalan 50

Senaraikan kebaikan bercakap benar dan keburukan tidak bercakap benar. (5 markah)

- Dibenci oleh orang sekeliling.
- Dihormati oleh masyarakat.
- Menjadi orang yang malas.
- Menjadi penipu.
- Disayangi oleh orang sekeliling.

- Disayangi oleh ibu bapa.
- Tidak menepati janji.
- Menjadi orang yang jujur.
- Menjadi orang yang amanah.
- Tidak dipercayai.

Kebaikan Bercakap Benar



46 _____

47 _____

48 _____

49 _____

50 _____

Keburukan Tidak Bercakap

Benar

B Benar